


**PLUS PERTINGKAT PERSEDIaan MENGURUSKAN
PERTAMBAHAN TRAFIK SEMPENA MUSIM PERAYAAN**
- TERMASUK MENAMBAH LALUAN SMARTLANE KEPADA 18 LOKASI

Petaling Jaya, 27 Mac 2024:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah menambah baik laluan SmartLane bagi menampung peningkatan jumlah trafik pada cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Di antara penambahbaikan tersebut adalah pemasangan *Lampu Hijau Berkelip* (Green Flashing Light) untuk menunjukkan bahawa laluan SmartLane diaktifkan dan boleh digunakan di lokasi-lokasi yang tertentu, sepertimana yang diumumkan oleh YB Menteri Kerja Raya baru-baru ini. Selain itu, PLUS turut menambah papan tanda peringatan pembukaan SmartLane di lokasi SmartLane yang telah dikenal pasti.



“Penambahbaikan ini bertujuan untuk memudahkan pengguna lebuhraya menggunakan SmartLane yang diaktifkan untuk menguruskan kesesakan dan menambah kapasiti lorong di lokasi-lokasi kritikal sepanjang lebuhraya,” kata Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar pada taklimat kepada media bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berkenaan persediaan PLUS menguruskan peningkatan jumlah kenderaan di Lebuhraya PLUS sempena musim perayaan Aidilfitri di Persada PLUS hari ini.

Menurutnya, PLUS akan memberi tumpuan khusus kepada pengurusan kesesakan, pengagihan trafik dan keselesaan pengguna bagi membantu orang ramai menikmati perjalanan yang lebih lancar dan selesa pada musim perayaan Aidilfitri yang akan datang.

Bagi menguruskan kesesakan, PLUS akan menambah laluan SmartLane kepada 18 lokasi tumpuan trafik di lebuh raya bagi membantu melancarkan pergerakan trafik.

INISIATIF PENGAKTIFAN "SMARTLANE" DI 18 LOKASI STRATEGIK LEBUHRAYA PLUS SEMPENA CUTI PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2024



LOKASI

- 1 KM108.0 Arah Selatan (Sg. Petani Selatan) – KM112.0 Arah Selatan (Hentian Sebelah Tikam Batu)
- 2 KM150.4 Arah Utara (Bukit Tambun Utara) – KM146.4 Arah Utara (Plaza Tol Juru)
- 3 KM155.5 Arah Selatan (Bandar Cassia) – KM157.2 Arah Selatan (Hentian Sebelah Sg Bakap)
- 4 KM303.2 Arah Utara (Gua Tempurung) – KM297.0 Arah Utara (Gopeng)
- 5 KM367.3 Arah Utara (Slim River) – KM354.0 Arah Utara (Sungkal)
- 6 KM354.0 Arah Selatan (Sungkal) – KM356.0 Arah Selatan
- 7 KM439.5 Arah Utara (Kawasan Rehat & Rawat Rawang) – KM435.5 Arah Utara (Sg. Buaya)
- 8 KM437.1 Arah Selatan (Hentian Sebelah Rawang) – KM443.3 Arah Selatan (Persimpangan Rawang)
- 9 KM3.3 Arah Utara (Setia Alam) – KM9.0 Arah Utara (Shah Alam)
- 10 KM11.2 Arah Utara (Susur Keluar Petron, NKVE) – KM13.3 Arah Utara (Subang)
- 11 KM280.0 Arah Selatan (Nilai) – KM276.0 Arah Selatan (R&R Seremban)
- 12 KM6.1 Arah Utara (OBR USJ) – KM8.1 Arah Utara (Seafield)
- 13 KM260.0 Arah Utara (P. Dickson) – KM263.1 Arah Utara (Seremban)
- 14 KM194.5 Arah Selatan (Air Keroh) – KM184.0 Arah Selatan (Hentian Sebelah Kg. Bemban)
- 15 KM27.0 Arah Selatan (Kulai) – KM19.0 Arah Selatan (Senai)
- 16 KM19.0 Arah Utara (Senai) – KM27.0 Arah Utara (Kulai)
- 17 KM4.5 Arah Selatan (Dato Onn) – KM1.9 Arah Selatan (Pasir Gudang)
- 18 KM0.4 Arah Utara (Pandan) – KM6.0 Arah Utara (Kempas)

Ketika SmartLane diaktifkan, lorong paling kiri yang sedia ada dibuka sebagai laluan tambahan untuk mengoptimumkan penggunaan semua laluan dan meningkatkan kapasiti lorong bagi mengurangkan kesesakan trafik di laluan kritikal lebuh raya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) di enam lebuh raya di Malaysia sempena musim perayaan yang lalu, lebih 70 peratus pengguna jalan raya yang menggunakan laluan SmartLane bersetuju bahawa inisiatif SmartLane telah membantu dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Dalam masa yang sama, inisiatif tersebut boleh menyumbangkan kepada aliran trafik yang lebih lancar dan penjimatan masa. Namun, penambahbaikan laluan tersebut perlu ditekankan untuk meningkatkan kesedaran menerusi notifikasi kepada pengguna jalan raya.

“SmartLane hanya boleh digunakan oleh kenderaan persendirian/penumpang untuk sementara waktu sebelum diarahkan untuk masuk semula ke laluan utama bagi meneruskan perjalanan mereka. Walau bagaimanapun, pengguna lebuhraya dilarang sama sekali untuk memandu di lorong kecemasan di lokasi-lokasi lain di mana tiada laluan SmartLane diaktifkan,” jelas Datuk Nik Airina.

Pengagihan Trafik melalui jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA

Untuk mengagihkan trafik, PLUS akan turut menyediakan jadual perjalanan digital iaitu MyPLUS-TTA.

MyPLUS-TTA yang telah dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya pada perayaan yang lalu merupakan pendekatan digital PLUS untuk membantu orang ramai merancang dan memilih masa perjalanan yang paling sesuai untuk musim-musim perayaan. Inisiatif MyPLUS-TTA ini adalah komitmen dan sebahagian usaha PLUS untuk meningkatkan keselesaan para pengguna lebuhraya semasa musim-musim perayaan menerusi pengagihan trafik berdasarkan data dan pola perjalanan pada musim-musim perayaan yang lalu.

Untuk mendapatkan jadual digital MyPLUS-TTA, pengguna lebuhraya boleh memuat turun Aplikasi PLUS dan mendaftarkan perjalanan mereka sekarang untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum pada perjalanan musim perayaan Aidilfitri di antara **4 April hingga 15 April** yang akan datang.



Keselesaian Pengguna

Bagi membantu melancarkan lagi pergerakan orang ramai untuk pulang ke kampung halaman, PLUS akan mengambil beberapa langkah merangkumi persediaan operasi di plaza tol, lebuhraya dan kawasan rehat untuk pergerakan perjalanan yang lebih lancar pada waktu puncak sepanjang tempoh perayaan Aidilfitri kali ini.

PENGURUSAN TRAFIK & INSIDEN YANG EFISIEN

Membuka semua lo dan keluar di p

Tiada penutupan lorong untuk kerja-kerja penyelenggaraan di lebuhraya di antara **1 April hingga 17 April 2024** (kecuali kerja-kerja kecemasan & pengalihan kemalangan serta pembaikan kritikal).

Menempatkan **kren & trak tunda di 11 lokasi** terpilih bagi mempercepatkan proses pengalihan dan penundaan kenderaan.

Mengaktifkan laluan **Smart Lane** di 18 lokasi terpilih di lebuhraya untuk menambah kapasiti lorong untuk membantu menyuraikan kesesakan dan melancarkan perjalanan trafik (bergantung kepada keperluan & keadaan trafik semasa).

Menempatkan **anggota Pasukan Bantuan Kecemasan (ERT)** yang terdiri daripada PDRM, JPJ, Bomba, APM & St John Ambulance di **11 lokasi** strategik untuk memberi bantuan segera ketika kecemasan atau kemalangan.

KESELESAAN PENGGUNA



Lebih **4,500**
keseluruhan petugas dalam eko-sistem lebuh raya
untuk memberi bantuan.



Lebih **1,500**
kakitangan untuk bantu operasi di plaza tol
dan lebih 1,000 lorong tol beroperasi.



Lebih **500**
jumlah keseluruhan anggota
rondaan PLUSRonda dan
LPT2Ronda.



Lebih **50**
petugas di Pusat Pemantauan Trafik
(TMC) untuk menguruskan talian
PLUSLine (1800-88-0000) dan
menyelaras bantuan.

Menyediakan tempat letak
kenderaan tambahan di
79
lokasi terpilih sepanjang lebuh raya.



Lebih **2,000**
kakitangan penyelenggaraan di
semua R&R, hentian sebelah dan
plaza tol.

99
unit tandas mudah alih sebagai
tambahan kepada tandas sedia ada
di 17 kawasan rehat, hentian
sebelah dan plaza tol terpilih.



Semua kemudahan awam seperti tandas,
surau dan stesen minyak di kawasan rehat
dibuka **24-jam sehari**.

Menempatkan **anggota-anggota RELA** di
R&R, hentian sebelah dan plaza tol terpilih
untuk pengurusan trafik.



PENGAGIHAN TRAFIK



MyPLUS-TTA

Daftar MyPLUS-TTA mulai 27 Mac dan rancang perjalanan menerusi MyPLUS-TTA secara digital di Aplikasi PLUS pada musim perayaan bagi perjalanan 4 April hingga 15 April 2024.

KOMUNIKASI & PENGURUSAN PELANGGAN

 Aplikasi PLUS	 Aplikasi X @PLUSTrafik	 Chatbot PUTRI
 Papan Tanda Elektronik (VMS)	 Saluran Stesen Radio Utama	

Dapatkan maklumat trafik dengan mengikuti Aplikasi X@PLUSTrafik, Aplikasi PLUS, Chatbot PUTRI, papan tanda elektronik di lebuhraya dan menerusi saluran stesen radio utama negara.



Mengingatkan pengguna bagi memastikan baki kad Touch 'n Go dan eWallet mencukupi sebelum memulakan perjalanan.



Dalam masa yang sama, PLUS turut menasihati orang ramai supaya menggunakan Aplikasi PLUS, Aplikasi Waze atau Google Maps untuk merancang perjalanan dan mendapatkan pelan perjalanan dengan lebih baik.